



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

LESEN TERMINAL (DEPOH KONTENA)

Selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam seksyen 6 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat dengan ini menetapkan Keperluan Tahap Perkhidmatan iaitu syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh semua pemegang lesen terminal seperti yang dinyatakan di Lampiran A.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah menjadi dan dianggap sebagai sebahagian serta hendaklah dibaca bersama-sama lesen terminal yang dikeluarkan kepada pemegang lesen terminal.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah berkuatkuasa pada 1 Januari 2025.

Bertarikh pada 11 November 2024

A handwritten signature in black ink, appearing to be the name of the Director General of Public Transport.

Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat
Agensi Pengangkutan Awam Darat
Kementerian Pengangkutan Malaysia

SYARAT – SYARAT LESEN

Bahagian I Keperluan Am

1. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah pada setiap masa mematuhi:
 - (a) peruntukan-peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), peraturan-peraturan, dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya;
 - (b) peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis yang lain, peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dan tidak terhad kepada:
 - (i) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333);
 - (ii) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
 - (iii) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
 - (iv) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127);
 - (v) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514);
 - (vi) Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139);
 - (vii) Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685);
 - (viii) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133); dan
 - (ix) Akta Kerja 1955 (Akta 265)

Bahagian II Spesifikasi Terminal Depoh Kontena

2. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah pada setiap masa mempamerkan papan tanda maklumat terminal depoh kontena di suatu tempat yang mudah dilihat oleh pengguna dengan maklumat berikut:
 - (a) Jenis terminal
 - (b) Nombor lesen
 - (c) Nama pemegang lesen terminal depoh kontena
 - (d) Alamat terminal depoh kontena
 - (e) Butir-butir perkhidmatan
 - (f) Tarikh mula berkuat kuasa dan sah laku lesen
 - (g) Waktu operasi
3. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan papan tanda di kawasan penyimpanan kontena kosong, kawasan penyelenggaraan, had laju di kawasan laluan dan mana-mana kawasan yang perlu diletakkan papan tanda sentiasa:
 - (a) jelas, mencukupi dan mudah difahami;

- (b) memaparkan maklumat yang tepat dan terkini; dan
- (c) diperiksa dan diselenggara dari semasa ke semasa.

4. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan pencahayaan yang mencukupi dititikberatkan di dalam kawasan depoh.
5. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan persekitaran di dalam terminal depoh kontena adalah tersusun, teratur dan selamat.
6. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan keluasan pintu masuk dan keluar depoh kontena mengikut seperti mana yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
7. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan jarak keluasan di antara barisan susunan kontena yang paling hampir dengan pagar mengikut seperti mana yang ditetapkan oleh PBT.
8. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan susunan ketinggian kontena kosong adalah selaras dan berpadanan dengan berat beban tanah maksima (*maximum ground loading weight*) sebagaimana pelan yang telah disahkan oleh Jurutera Professional yang diiktiraf oleh PBT.
9. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan permukaan laluan bagi kenderaan barangan di dalam depoh kontena adalah dari jenis 'interlocking', konkrit, premix atau 'crusher run' bagi meningkatkan tahap keselamatan.
10. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah mengasingkan kawasan penyelenggaraan untuk aktiviti pemeriksaan, baik pulih, mencuci dan pembersihan kontena dari kawasan operasi harian.
11. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah pada setiap masa mempamerkan nombor saluran aduan di suatu tempat yang mudah dilihat oleh pengguna terminal depoh kontena dan nombor talian aduan Kementerian Pengangkutan melalui e-mel aduan@mot.gov.my atau di talian 1-800-88-7723.
12. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memberi maklum balas kepada pengadu dalam tempoh tiga (3) hari waktu bekerja dari tarikh aduan diterima.

Bahagian III Dokumen Operasi

13. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah mempunyai Lesen Terminal Depoh Kontena yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi.
14. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan semua dokumen-dokumen, kebenaran dan perakuan-perakuan lain yang dikeluarkan oleh agensi-agensi yang berkaitan masih sah selama tempoh Lesen Terminal Depoh Kontena berkuat kuasa.

Bahagian IV Keperluan Operasi

15. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan perjalanan operasi terminal mengikut prosedur yang telah ditetapkan dengan penggunaan sistem pengurusan kontena secara atas talian dan hendaklah dikemukakan sewaktu permohonan Lesen Terminal.
16. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah menyediakan aplikasi sistem pengurusan kontena dengan keperluan fungsi-fungsi dan tidak terhad seperti berikut:
 - (a) membuat tempahan waktu oleh syarikat pengangkutan untuk mengambil dan menghantar kontena kosong;
 - (b) memberikan maklum balas kepada pemandu syarikat pengangkutan sekiranya waktu tempahan bagi kontena kosong telah penuh atau kekurangan kontena kosong untuk diambil;
 - (c) membolehkan pemandu atau syarikat pengangkutan memaklumkan sekiranya waktu tempahan yang telah ditetapkan tidak dapat dipenuhi;
 - (d) memastikan kenderaan pengangkutan dapat memasuki pintu terminal depoh pada waktu tempahan dibuat tanpa menghalang laluan/ aliran trafik di luar kawasan terminal depoh kontena;
 - (e) aplikasi 'GeoFence/ GPS' yang berupaya untuk memberikan pemakluman awal berkenaan jarak dan masa ketibaan suatu kenderaan syarikat pengangkutan sebelum memasuki pintu depoh bagi pengambilan atau penghantaran kontena kosong; dan

- (f) pengurusan aduan bagi menerima dan mengemukakan maklum balas aduan yang dibuat.
17. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah membenarkan akses dan integrasi kepada capaian sistem pengurusan kontena seperti yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
 18. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan waktu operasi terminal depoh kontena mengikut waktu tempahan oleh syarikat pengangkutan dan waktu operasi standard yang diluluskan oleh PBT.
 19. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena tidak boleh memberhentikan operasi dan perkhidmatan terminal depoh kontena selama tempoh lesen ini berkuatkuasa, tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat. Sebarang pemberhentian operasi dan perkhidmatan hendaklah dimaklumkan kepada APAD secara bertulis sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh penamatan operasi.
 20. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena yang merancang untuk menutup sementara operasi terminal pada sebahagian atau keseluruhan terminal hendaklah memohon kebenaran secara bertulis kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh rancangan penutupan bersama pelan lokasi dan aliran trafik kenderaan sementara.
 21. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah mempamerkan notis pemakluman dan pengumuman kepada pengguna terminal berhubung perubahan waktu operasi atau penutupan terminal depoh kontena yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat selama empat belas (14) hari sebelum sebarang perubahan atau penutupan terminal depoh kontena dilaksanakan.
 22. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan semua kemudahan dan peralatan yang terdapat di dalam terminal depoh kontena berfungsi dan diselenggara dengan baik, selamat digunakan dan mencukupi serta bersesuaian dengan kapasiti operasi terminal depoh kontena.
 23. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan aliran trafik di pintu masuk dan pintu keluar terminal depoh kontena tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas.
 24. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah melakukan pemeriksaan secara menyeluruh terhadap setiap kontena yang dihantar ke depoh kontena.

25. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan kontena kosong tidak sama sekali dicuci di atas kenderaan barangan.
26. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan semua pemandu kenderaan mematuhi had laju 10km/jam ketika berada di dalam terminal depoh kontena.

Bahagian V Fi Pintu Depoh

27. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah mengenakan fi pintu depoh seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua [Peraturan 9] Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pelesenan Terminal) (Depoh Kontena) 2024 seperti berikut:

Tempoh Masa Bagi Mengambil atau Menghantar Kontena Kosong daripada Masa Kenderaan Barangan Memasuki Pintu Depoh hingga Masa Kenderaan Barangan Keluar Pintu Depoh	Fi Pintu Depoh (RM)
Kurang daripada 45 minit	Tidak melebihi RM55.00
45 minit hingga 60 minit	Tidak melebihi RM40.00
60 minit hingga 75 minit	Tidak melebihi RM30.00
75 minit hingga 90 minit	Tidak melebihi RM20.00
Atas 90 minit	RM0.00

Bahagian VI Syarat Tambahan

28. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah mendapat kelulusan dari PBT bagi kawasan penyelenggaraan kontena dan kawasan khas tempat meletak kenderaan pekerja dan pelawat.
29. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah sentiasa merekod menyimpan, dan mengemaskini semua maklumat dan dokumen berikut:
 - (a) lesen terminal depoh kontena yang sah;

- (b) pelan lantai (*layout plan*) terminal depoh kontena yang sah dan lukisan siap bina yang disahkan oleh arkitek profesional;
 - (c) rekod penyelenggaraan terminal depoh kontena;
 - (d) rekod sistem pengurusan kontena;
 - (e) rekod operasi terminal depoh kontena termasuk data dan maklumat pengendali berlesen yang menggunakan depoh kontena, rekod kenderaan, serta rekod tempahan kontena; dan
 - (f) apa-apa rekod lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
30. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah mengemukakan mana-mana data, rekod atau dokumen seperti di Perkara 29 kepada APAD dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permintaan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
 31. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah melaporkan dengan serta-merta mengenai kehilangan, kerosakan atau kemusnahan kepada lesen terminal di mana-mana Pejabat APAD yang berdekatan dan mengemukakan permohonan untuk mendapatkan salinan pendua lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat yang disertakan dengan fi dan dokumen berkaitan.
 32. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memastikan semua kakitangan yang terlibat dalam pentadbiran dan operasi terminal depoh adalah kompeten untuk melaksanakan tugas masing-masing.
 33. Pemegang lesen terminal depoh kontena hendaklah memastikan setiap pemandu memperoleh sijil kelulusan teori dan praktikal sebelum dibenarkan untuk mengendali jentera seperti '*forklift*' atau '*stacker*'.
 34. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah menyediakan latihan teori dan praktikal berkaitan operasi terminal depoh kepada kakitangan depoh setahun sekali bagi memastikan tahap perkhidmatan yang ditawarkan dapat dicapai.
 35. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah menyediakan peraturan dalaman terminal depoh kontena yang selaras dengan peraturan-peraturan dan syarat-syarat berkaitan bagi tujuan kawal selia dan pematuhan operasi terminal depoh kontena.

Bahagian VII Pengurusan Keselamatan

36. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena diwajibkan menjalankan sesi taklimat keselamatan kepada kakitangan depoh sebelum operasi bermula sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.
37. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan dan menjalankan simulasi tindak balas kecemasan sebenar (*fire drill, first aider, fire fighter*) di kawasan yang bersesuaian sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
38. Pemegang Lesen Terminal Depoh Kontena hendaklah memaklumkan kepada APAD dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sekiranya berlaku sebarang kemalangan atau kecelakaan di dalam terminal depoh kontena dalam tempoh 24 jam.